

KHUTBAH JUMAAT

“MANFAATKAN MASA, BENTUK PERIBADI ANAK”
(19 Disember 2025M/ 28 Jamadilakhir 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menghiasi diri dengan takwa terhadap Allah *subhanahu wata'ala*. Pastikan setiap tindakan kita selari dengan tuntutan-Nya. Awasi diri daripada melanggar batasan dan tegahan-Nya. Mohonlah bantuan dan petunjuk Allah dalam setiap urusan kita, kerana Allah sebaik-baik penjaga dan yang Maha Pengasih terhadap hamba-hamba-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita kelapangan hati dan ketetapan iman dalam melayari kehidupan.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan

membicarakan khutbah yang bertajuk "***Manfaatkan Masa, Bentuk Peribadi Anak***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Keluarga adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Setiap daripada kita akan disoal di akhirat kelak tentang mereka yang berada di bawah tanggungan dan penjagaan kita. Oleh sebab itu, setiap anggota keluarga dan masyarakat perlu mendapat pendedahan kepada pendidikan dan penghayatan agama.

Marilah kita bermuhasabah. Apakah kita benar-benar telah berjaya melaksanakan tanggungjawab kita sebagai ibu bapa? Adakah cukup sekadar menyediakan harta benda serta wang untuk pendidikan demi masa depan mereka di dunia sahaja? Apakah cukup sekadar meluangkan masa bersama mereka? Ataupun sebenarnya, ada lagi peranan yang boleh kita laksanakan, terutamanya waktu musim cuti sekolah ini?

Bagi menjawab segala persoalan ini, marilah kita bersama-sama menghayati panduan yang Allah *subhanahu wata'ala* berikan dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ
(٦)

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu-bata; neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Dalam ayat tadi, Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kita betapa pentingnya menjaga diri dan ahli keluarga daripada terjerumus ke dalam neraka akibat perbuatan maksiat. Peringatan ini menyedarkan kita akan kepentingan usaha meningkatkan iman dan takwa kita dan ahli keluarga kita termasuk anak-anak. Tarbiyah atau asuhan terhadap anak-anak untuk mengenali Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya, serta tanggungjawabnya sebagai seorang Islam, mesti diberikan perhatian yang sepenuhnya.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* amat mengambil berat tarbiyah dan pengasuhan anak-anak, walaupun setelah mereka dewasa. 'Amru bin Syu'aib *rahimahullah* meriwayatkan daripada bapanya yang meriwayatkan daripada datuknya, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مُرُّوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ))

Maksudnya: *Perintahkanlah anak-anak kamu (lelaki dan perempuan) untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka tidak mahu melaksanakannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun. Dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.*

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Hadis tadi jelas menunjukkan kepentingan kita sebagai ibu bapa mendidik anak-anak untuk menghayati segala ajaran Islam terutamanya solat sejak dari kecil. Apabila seorang anak itu sudah mengenali tuhan dan dididik sehingga dapat membezakan antara yang baik dan buruk, maka lebih mudahlah baginya berusaha bagi memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah seorang yang sangat mengasihi anak-anaknya. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa meluangkan masa bersama mereka, mendengarkan keluhan-keluhan mereka serta memimpin mereka ke jalan Allah. Malah, dalam beberapa riwayat hadis, ternyata nabi *sallallahu alaihi wasallam* tetap menziarahi anaknya, Saidatina Fatimah *radiallahu anha* untuk menasihatinya walaupun setelah beliau berkahwin dengan Saidina Ali bin Abi Talib *radiallahu anhu*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ambillah peluang musim cuti sekolah ini untuk memanfaatkan masa lapang bersama anak-anak. Dekatkanlah diri kita bersama mereka dengan mengadakan aktiviti keluarga. Wujudkan perbincangan yang

bermanfaat dengan mereka. Kenalilah mereka dengan lebih mendalam lagi. Dengarkanlah luahan-luahan isi hati mereka. Ambil tahu perkembangan mereka serta perkembangan dunia kehidupan mereka yang semakin pesat berkembang.

Bagi anak yang sudah meningkat remaja, hargai intelektual serta kematangan mereka dan berikanlah bimbingan yang sewajarnya. Jika ada kelakuan yang kurang menyenangkan, bincangkan dan carilah jalan keluar bersama. Berilah juga galakkan kepada anak-anak kita untuk mengikuti program-program yang boleh meningkatkan ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam mereka. Ambil iktibar daripada nasihat-nasihat yang terakam di dalam al-Quran dan sunnah Nabi *sallallahu alaihi wasallam*.

Tanamkan kefahaman agama yang betul kepada anak-anak kita agar anasir yang kurang baik serta pemahaman Islam yang salah tidak mudah mempengaruhi mereka. Kita sendiri boleh lihat implikasinya jika kita gagal membimbing mereka. Jangan sampai pemahaman yang salah berjaya menarik perhatian mereka.

Pastinya, banyak lagi yang boleh kita lakukan bersama anak-anak kita pada musim cuti ini. Setiap anak itu mempunyai kelebihan serta kekuatan mereka yang tersendiri. Buatlah perancangan yang rapi bersama pasangan kita, agar dapat membuahkan hasil yang terbaik. Apabila kita keluar bercuti sebagai contoh, itu adalah masa yang terbaik dan sesuai untuk kita sama-sama melakukan kebaikan dan ibadah sebagai sebuah keluarga. Jika waktu bekerja kita tidak dapat

solat berjemaah dan berqiyamullail bersama, maka pastikanlah kita meluangkan masa untuk melakukan demikian bersama keluarga kita sewaktu bercuti. Mungkin juga kita boleh memasukkan dalam perancangan cuti kita sedikit aktiviti menyumbang bakti kepada masyarakat di tempat yang kita lawati. Dengan demikian, percutian kita dapat menjadi lebih bermakna.

Mudah-mudahan dengan kita sekeluarga mendekatkan diri kepada Allah bersama-sama, Allah *subhanahu wata'ala* akan memperatkan lagi dan memperbaiki hubungan kita dengan-Nya dan seisi keluarga. Semoga segala usaha, tunjuk-ajar, masa yang diluangkan, serta bimbingan yang kita berikan, akan menjadikan mereka anak-anak yang soleh dan penyejuk mata. Anak-anak yang mampu berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat dan negara. Amin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa rumusan khutbah pada hari ini, antaranya:

Pertama: Keluarga adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita.

Kedua: Didikan terhadap anak-anak untuk mengenali Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya, serta tanggungjawabnya sebagai seorang Islam, mesti diberikan perhatian yang sepenuhnya sejak dari kecil lagi.

Ketiga: Manfaatkanlah peluang musim cuti sekolah ini untuk mengukuhkan hubungan keibubapaan dengan anak-anak dan didikan terbaik terhadap penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Toha, ayat 132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا ۖ نَحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ
وَالْعَقِبَةُ لِلتَّقْوَى (١٣٢)

Maksudnya: *Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَتَيْهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merusakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.

